

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 4 TAHUN 2020**

**PELANTIKAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU
KELANTAN (MAIK) SEBAGAI PEGAWAI PENGAWAL TANAH RIZAB SURAU
DAN MASJID DI NEGERI KELANTAN (*BLANKET APPROVAL*)**

Arahan ini dikeluarkan adalah bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan persetujuan MAIK sebagai Pegawai Pengawal bagi tanah rizab kegunaan tapak perkuburan Islam, surau dan masjid dan diletakkan di bawah kawalan MAIK secara *Blanket Approval*.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa MAIK melalui surat kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan dengan rujukan MAIK.D231/P/192/48/klt2 (70) yang bertarikh 19 Muharram 1442 H bersamaan 07 September 2020 telah bersetuju dilantik sebagai Pegawai Pengawal secara Blanket Approval bagi mana-mana permohonan perizaban di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 bagi tujuan tapak perkuburan Islam, surau dan masjid.

3. Semua Pentadbir Tanah hendaklah mengangkat permohonan perizaban bagi semua permohonan yang dikemukakan melalui Seksyen 197 atau Seksyen 200 Kanun Tanah Negara 1965 termasuklah tanah- tanah hasil daripada mana-mana urusan pembangunan tanah yang bertujuan sebagaimana di para 2 tanpa perlu mengemukakan surat persetujuan daripada MAIK sebagai Pengawal.

4. Manakala bagi tanah-tanah yang akan diserahkan melalui urusan pembangunan tanah, mana-mana petak yang telah ditetapkan untuk diserahkan bagi tujuan tapak surau atau seumpamanya hendaklah dinyatakan akan dirizabkan di bawah Seksyen 62 apabila petak berkenaan diserahkan balik di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah negara 1965.

5. Semua Pentadbir Tanah perlu mengambil maklum dan arahan ini berkuatkuasa serta merta.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL *D.P.S.K (Kelantan), K.M.N*

**PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KEPADA

Yang Amat Berbahagia. Dato' / Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan

SALINAN KEPADA

1. YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Dato' Pengarah Jabatan Audit Negeri Kelantan
7. YBr. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15503 KOTA BHARU
KELANTAN**

**FAIL : PTG. KN. 32/69 JLD. 4
BERTARIKH : 27 SEPTEMBER 2020**